



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL.: 7/2021  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEMUDAHAN MENGIKUTI KURSUS SECARA SEPARUH MASA (*PART TIME*)  
BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai pemberian kemudahan mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan seperti berikut:

**1. Kursus Secara Separuh Masa (*Part Time*)**

- 1.1. Kursus secara separuh masa (*part time*) yang dikawal oleh Surat Keliling ini merupakan salah satu kaedah latihan bagi pegawai dan kakitangan untuk sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam memenuhi keperluan dan perancangan strategik Kementerian dan Jabatan.
- 1.2. Pegawai dan kakitangan yang menjalani kursus secara separuh masa (*part time*) di bawah Surat Keliling ini adalah dikehendaki untuk mengikuti kursus di institusi-institusi pengajian dalam negeri sahaja mengikut tempoh pengajian yang telah dibenarkan.

**2. Syarat Kelayakan**

- 2.1 Pegawai dan kakitangan Kerajaan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap.
- 2.2 Pemberian kemudahan mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) bagi pegawai dan kakitangan dikhususkan bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi dalam negeri yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan. Senarai kursus-kursus berkenaan bolehlah dirujuk dilaman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam.



-2-

2.3 Syarat-syarat kelayakan lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan yang berkuatkuasa pada masa ini seperti had umur, ikat janji (*bond*) dan sebagainya.


### 3. **Kemudahan-Kemudahan Yang Dihulurkan Semasa Mengikuti Kursus Secara Separuh Masa (*Part Time*) Di Dalam Negeri**

3.1 **Yuran pengajian** ditanggung oleh Kerajaan sepanjang tempoh kursus yang dibenarkan;

3.2 **Diikat Janji (*bond*)** untuk berkhidmat dengan Kerajaan mengikut tempoh yang ditetapkan selepas tamat tempoh kursus yang dibenarkan;

3.3 **Elaun Buku** dihulurkan pada setiap tahun sebanyak B\$1,078.00 bagi kursus yang bertaraf Ijazah, manakala jumlah sebanyak B\$980.00 bagi kursus yang bukan bertaraf Ijazah. Elaun Buku dihulurkan secara tuntutan berpandukan kepada prestasi akademik tahunan;

3.4 **Elaun Projek** dihulurkan sekali sahaja secara tuntutan sebanyak B\$300.00 bagi kursus bertaraf Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dan sebanyak B\$150.00 bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dan kebawah;

3.5 **Kemudahan-kemudahan yang lain** yang dihulurkan semasa dalam perkhidmatan iaitu seperti Elaun Rumah ke Pejabat, Elaun Pelajaran bagi anak, Pinjaman Perumahan, Pinjaman Kereta, Cuti Berelaun, Hak Cuti Tahunan dan segala percutian termasuk Cuti Beranak dan Cuti Khas Menunaikan Fardhu Haji adalah dikekalkan. 



-3-

#### 4. Kuasa Membenarkan

- 4.1 Kemudahan dan elaun berkenaan juga akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) bagi tujuan penetapan jawatan yang dikawal oleh Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/2018 mengenai Syarat-Syarat Penetapan Jawatan Bagi Kategori Jawatan Yang Memerlukan Kelulusan Profesional.
- 4.2 Bagi pegawai dan kakitangan yang mengambil kursus secara separuh masa (*part time*) yang bukan untuk tujuan penetapan jawatan tetapi untuk peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran, jika mereka berhasrat untuk mendapatkan kemudahan dan elaun berkenaan, maka permohonan perlu dihadapkan kepada Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP) di Jabatan Perkhidmatan Awam bagi pertimbangan seperti lazimnya.
- 4.3 Bagi pegawai dan kakitangan yang berhasrat untuk mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) dalam negeri termasuk kursus yang diikuti secara dalam talian (*online*) di atas pembiayaan sendiri tanpa dihulurkan kemudahan dan elaun berkenaan, mereka hendaklah mendapatkan kebenaran dari Setiausaha Tetap/ Ketua Jabatan masing-masing dan seterusnya memaklumkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
  - 4.3.1 Kursus yang dimaksudkan adalah kursus yang dihadiri di luar waktu bekerja seperti selepas waktu bekerja dan hari kelepasan awam dengan tidak menjejaskan tugas dan tanggungjawab harian serta waktu bekerja.
  - 4.3.2 Bagi perenggan 4.3, pegawai dan kakitangan yang diberi kebenaran (di atas pembiayaan sendiri tanpa dihulurkan kemudahan dan elaun berkenaan) adalah tidak dikenakan sebarang ikat janji (*bond*) dengan Kerajaan.

.../4



-4-

## 5. Tarikh Berkuatkuasa

- 5.1 Surat Keliling ini berkuatkuasa bermula pada sesi akademik 2020/2021.
- 5.2 Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Al-Quran Panduan Kehidupan”



**(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)**

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (7) JPM/SK/2021  
Tarikh : 7 Ramadhan 1442  
20 April 2021